



TERMS AND CONDITIONS

These are the Terms and Conditions for all our customers using our Services. We may, from time to time, amend and update this Terms and Conditions as we may deem appropriate.

1. OUR SERVICES

- 1.1 The Services are offered on a best-effort basis and for your private use only.
- 1.2 You can purchase the Access Code(s):
 - (a) directly from our website at <https://pay.connectme.my>; or
 - (b) through our authorised distributors.
- 1.3 The Services shall commence upon activation of your Access Code(s). Our Services are provided in the form of a quota for internet access within a specified validity period. Once you exceed your quota, you will either: (i) no longer have any further access to the Services (for regular Access Code(s)); or (ii) the speed of the Services will be reduced (for Unlimited Access Code) unless additional Access Code(s) or data passes are purchased.
- 1.4 Upon activation, each Access Code(s) allows for only one (1) wi-fi device usage of the Services at any one time.
- 1.5 All Access Code(s) purchased are not exchangeable, transferable, returnable and/or refundable.
- 1.6 Regardless of the circumstances, no cancellation or refund will be provided for any unused or expired Access Code(s).

2. AUTHORITY

- 2.1 By using our Services, you represent that you are at least eighteen (18) years old and have the ability and legal capacity to contract.

3. ACTIVATION, SECURITY AND DATA

- 3.1 Whenever you provide information to us, you agree to provide true, accurate, current and complete information. You shall maintain and promptly update any changes to such information to keep it true, accurate, current and complete at all times.
- 3.2 If you provide any information that is, or if we have reasonable grounds to suspect that the information is, untrue, inaccurate or incomplete, we may, without notice, suspend or terminate your access to the Services and refuse any and all current or future use of our Services (or any part thereof).
- 3.3 You are solely responsible for ensuring the security and safekeeping of your Access Code(s), and for all activities that occur under your Access Code(s) identification (including, amongst others, any data transmitted or broadcasted by you or any person using your Access Code). In no event shall we be held liable to you or anyone, for any fraud, theft or loss of the Access Code(s) and/or any losses or damages resulting from any breach of security and/or other unlawful acts in relation to your Access Code(s). We reserve the right to take any and all action, as we deem necessary or reasonable, at any time, to ensure the security of the Website and

our Services, including without limitation suspending or terminating our Services, or requesting additional information to verify your identity.

- 3.4 All data and content sent or received using our Services (including any network overhead, VPN and/or Internet Protocol overhead associated with content sent or received) as well as resolution of Internet Protocol addresses from domain names is included in your data allotment. Please note that certain applications or widgets periodically send and receive data in the background, without any action by the user, and such data use will be included in your data allotment. Applications may automatically re-initiate data sessions without you pressing or clicking the 'Send', 'Connect' or 'Enter' button. A data session is inactive when no data is being transferred. Data sessions may seem inactive while data is actively being transferred, or may seem active when the data is actually cached and data is not being transferred.
- 3.5 Data transfer amounts will vary based on the application used. If you download an audio or video file, the file may be downloaded in sections or in its entirety; data charged will apply to the portion downloaded, regardless of whether you listen to or watch all of it. You may access and monitor your own data usage by accessing <http://cme.now>.
- 3.6 We will not monitor the content of your communications except as otherwise expressly permitted or required by law.
- 3.7 We further reserve the right to take measures to protect our network and other users from harm, compromised capacity or degradation in performance. These measures may impact our Services, and we reserve the right to deny, modify or terminate the Services, without notice, to anyone we believe is using our Services in a manner that adversely impacts our network or in breach of this Terms and Conditions.
- 3.8 You are responsible for the set up and security of any of your servers, computers and any other device or equipment that uses the Services. We do not provide support for the detection or removal of malware, viruses, worms or trojans. We strongly recommend that you protect your computer and/or device with anti-virus software.

4. CONDITIONS OF USE

You represent, warrant and undertake that:

- (a) the Services shall not be used for any activities not reasonably expected for domestic purposes;
- (b) the Services shall only be used for lawful purposes, and you will not use the Services to send, access, store, transmit, post, upload or download any material or data which:
- (i) violates any law or is in association with a criminal offence;
 - (ii) is defamatory, offensive, abusive; obscene or harassing;
 - (iii) encourages illegal or socially unacceptable or irresponsible behaviour;
 - (iv) infringe any third party rights;
 - (v) had any fraudulent purposes or effect, or involves you impersonating another person or otherwise misrepresenting yourself as the source of any communication;
 - (vi) damages or may damage our rights or the rights of our agents, personnel or contractors;
 - (vii) has the intention or result of affecting the performance or functionality of any computer facility or functionality of any computer belonging to other persons connected on the same network;
 - (viii) circumvents the user authentication or security process of a host or network;
 - (ix) creates, transmits, stores or publishes any virus, trojan, corrupting programme or corrupted data;
 - (x) transmits or cause to be transmitted any advertising, promotional or other materials that are unsolicited; or
 - (xi) intentionally disrupts or affects other person's use of the internet or any features which form part of the internet. This includes, amongst others, running port-scanning or

probing software, running programs or servers that provide network content or connectivity to any third party not at the hotspot, online gaming, and/or peer-to-peer software or applications.

- (c) you shall not disrupt, interfere or inhibit any other users from enjoying the Services or other affiliated or linked websites, material, contents, products and/or services;
- (d) you shall not use any robot, spider, or other such programmatic or automatic device, including but not limited to automated dial-in or inquiry devices, to obtain information from the Website or otherwise monitor or copy any portion of the Website, products and/or services;
- (e) you shall not create a false identity for the purpose of misleading others;
- (f) you shall not prepare, compile, use, download or otherwise copy any user information and/or usage information from the Website or any portion thereof, or transmit, provide or otherwise distribute (whether or not for a fee) our Services and such information to any third party;
- (g) you shall comply with all terms, policies, guidelines, and processes as may be imposed by us from time to time, including but not limited to our Fair Usage Policy, Anti-Bribery and Corruption Policy, and Whistleblowing Policy as made available on the Website;
- (h) you shall not circumvent the user authentication or security process of a host or network;
- (i) you shall not use any of our domain name as a pseudonymous return email address;
- (j) you shall immediately report to us upon discovery of any fraud, theft, loss, unauthorised usage or any other occurrence of unlawful acts in relation to your Access Code(s) and lodge a police report and provide us with a certified copy of such report whenever required by us;
- (k) you shall stop using our Services or disconnect your device from our network when reasonably requested by us;
- (l) you shall comply with all applicable laws and regulations in Malaysia in connection with your use of the Services; and
- (m) you shall not attempt to modify, translate, decompile, disassemble, use reverse engineering or otherwise attempt to derive the source code for the computer systems and other technology that operates the Website. For purposes of this Terms and Conditions, "reverse engineering" shall include the examination or analysis of the Website to determine the source code, structure, organization, internal design, algorithms or encryption devices of the Website's underlying technology.

5. GEOGRAPHICAL RESTRICTION

- 5.1 The Services is for use only within the wireless hotspot coverage area of the Services.

6. LIMITATION OF LIABILITY

- 6.1 You agree that you are subscribing and using the Services at your sole risk.
- 6.2 You acknowledge and agree that we make no representation of warranty of any kind in relation to the Services. The Services may not be free from loss, interruption or corruption due to a virus attack, hacking, or any other security intrusion, or any other reason. We will not be liable for any interruption or failure of the Services attributable to a Force Majeure event.
- 6.3 We shall not be liable for and are not responsible for and do not control or endorse any third party services, content or products, or any links provided by us to internet sites operated by third parties and its contents, which you may access, use or acquire by using the Services. Any links to internet sites operated by third parties, are for your convenience only. We do not control such third party internet sites, are not responsible for their content nor give any form of endorsement in respect thereof. We are also not responsible for any loss or damage that you may suffer or incur as a result of your use of such third party services or products.
- 6.4 In no event shall we be liable, whether in law, equity or negligence or otherwise howsoever, to you or any third party, for any direct, indirect, consequential or other damages howsoever arising. Further, without limiting the generality of this Section 6, you acknowledge and confirm that you shall have no right of recovery for the satisfaction of any cause whatsoever arising out of the use of the Services against any Group Company or any officer, director, employee, agent, partner or shareholder of ours or any Group Company.

6.5 For the avoidance of doubt, it is expressly agreed that no provision of the Terms and Conditions shall be enforceable by any third party.

7. INDEMNIFICATION

7.1 You shall at all times indemnify and hold us harmless from and against any liability, loss, expenses, claim or damage, including legal fees arising from:

- (a) any breach by you of the Terms and Conditions, including any of your representations, warranties, conditions, undertaking and covenants;
- (b) your use of the Services;
- (c) any claim for libel, slander, invasion of privacy, or infringement of copyright, trademark, patent or other proprietary right concerning the materials transmitted through your use of the Services; and/or
- (d) any case, claims or proceedings in any way asserted or initiated by any third party arising out of or in connection with any of the matters stated or intended in paragraphs (a) to (c) above.

8. TERMINATION/SUSPENSION

8.1 You agree that we may immediately suspend or terminate your access to the Services with or without notice and without any liability to you where:

- (a) you have breached or violated this Terms and Conditions;
- (b) so instructed or directed by the Malaysian Communications and Multimedia Commission or any other federal or statutory agency or regulatory body;
- (c) you have engaged in fraudulent or illegal activities;
- (d) it is in the public interest or due to the existence of a declared public emergency; or
- (e) the satellite being used to provide the Services is no longer made available to us, declared a constructive total loss or a total loss under its in-orbit insurance policy or such other insurance policy or the satellite experiences a failure, whether full or partial;
- (f) we are unable to provide our Services due to a Force Majeure event, or
- (g) for maintenance or other operational reasons.

8.2 You agree that we shall have the right to suspend, cease or terminate the Services without cause and for any reason whatsoever, and without any liability to you.

9. PERSONAL DATA PROTECTION

9.1 For the purposes of providing the Services, we may process any personal information, including but not limited to collecting, using, disclosing, retaining and disposing personal information, provided by you, in accordance with the terms of our Privacy Notice.

9.2 You hereby agree and accept for us to process your personal information in accordance with the Privacy Notice. You are also responsible to ensure that you have the necessary consent to disclose any third-party information disclosed to us and that you have informed such third party of our Privacy Notice.

10. GENERAL

10.1 Any failure or delay to exercise or enforce any right or provision under this Terms and Conditions or at law shall not constitute a waiver of such right or provision or prejudice us in acting against you.

10.2 If any provision of this Terms and Conditions shall be deemed unlawful, void, or for any reason unenforceable, then that provision shall be deemed severable from the Terms and Conditions and shall not affect the validity and enforceability of any remaining provisions of the Terms and Conditions which shall retain full force and effect.

- 10.3 This Terms and Conditions shall be governed and construed in accordance with the laws of Malaysia.
- 10.4 You agree all disputes arising out of or concerning this Terms and Conditions or the obligations hereunder shall be subject to the exclusive jurisdiction of the courts in Malaysia.
- 10.5 We may assign or novate our rights and duties under this Terms and Conditions to any party at any time without notice to you.
- 10.6 Your rights and duties under this Terms and Conditions are not assignable by you. This Terms and Conditions do not provide any third party with a remedy, claim, or right of reimbursement.
- 10.7 This Terms and Conditions constitutes the entire agreement in respect of the subject matter set out herein and supersedes all previous agreements, representations, correspondences, proposal and any other arrangement or understandings, whether express or implied and supersedes all previous and contemporaneous oral or written agreements and representations made.
- 10.8 Time, wherever mentioned, shall be of essence.

11. DEFINITIONS & INTERPRETATIONS

11.1 In this Terms and Conditions, capitalized terms shall have the following meanings:

- (a) "Access Code(s)" means the prepaid protected passcodes to access and use the Services;
- (b) "Affiliate" means our holding company, subsidiary, associated and related company, successors, assignees, employees and agents;
- (c) "Force Majeure" means any cause or event beyond our reasonable control which results in the delay or failure to perform of our obligations, including, but not limited to, acts of God, terrorism, the public enemy, war (whether declared or undeclared) or other hostile action, national emergencies, riot, insurrection or other military action or civil unrest, fire, flood, other natural disasters or adverse weather conditions; radioactive contamination, strikes, lockouts or other trade or labour disputes or actions; launch or satellite manufacturer delay; power shortage, civil commotion, epidemic, quarantine, embargo; meteorological or astronomical disturbance; satellite failure or malfunction, satellite launch failure or delay, or action or inaction of any government or competent authority;
- (d) "Group Company" means any ultimate holding company and/or holding company of ours, its Affiliates or commonly controlled entities;
- (e) "MCS", "we", "our" and "us" means MEASAT Communication Systems Sdn. Bhd.;
- (f) "Services" means CONNECTme NOW satellite based WiFi broadband services in Malaysia;
- (g) "Website" means any website(s), webpages(s), web portal(s), online systems and/or platforms operated by MCS or Group Company;
- (h) "You" and "your" means the individual customer who subscribes for the Services (including any of your permitted assigns and/or representatives).



TERMA DAN SYARAT

Ini adalah Terma dan Syarat untuk semua pelanggan kami yang menggunakan Perkhidmatan kami. Kami boleh, dari semasa ke semasa, meminda dan mengemas kini Terma dan Syarat ini sebagaimana yang kami anggap sesuai.

1. PERKHIDMATAN KAMI

- 1.1 Perkhidmatan ini ditawarkan atas dasar usaha terbaik dan hanya untuk kegunaan peribadi.
- 1.2 Anda boleh membeli Kod Akses:
 - (a) dari laman web kami <https://pay.connectme.my>; atau
 - (b) melalui pengedar sah kami.
- 1.3 Perkhidmatan akan bermula setelah pengaktifan Kod Akses anda. Perkhidmatan kami disediakan dalam bentuk kuota untuk capaian internet dalam tempoh sah yang telah ditetapkan. Sebaik sahaja anda melebihi kuota, anda berkemungkinan akan: (i) tidak akan lagi mempunyai sebarang akses kepada Perkhidmatan (untuk Kod Akses biasa); atau (ii) kelajuan Perkhidmatan akan dikurangkan (untuk Kod Akses Tanpa Had) melainkan pas data tambahan / Kod Akses dibeli.
- 1.4 Selepas pengaktifan, setiap Kod Akses hanya membenarkan penggunaan satu (1) peranti Wi-Fi bagi Perkhidmatan tersebut pada satu-satu masa.
- 1.5 Kesemua Kod Akses yang dibeli tidak boleh ditukar, dipindah milik, dikembalikan dan/atau dibayar balik.
- 1.6 Tanpa mengira keadaan, tiada pembatalan atau bayaran balik akan diberikan bagi mana-mana Kod Akses yang tidak digunakan atau telah tamat tempoh.

2. KEBENARAN

- 2.1 Dengan menggunakan Perkhidmatan kami, anda menyatakan bahawa anda berumur sekurang-kurangnya 18 tahun dan mempunyai keupayaan serta kapasiti undang-undang untuk membuat kontrak.

3. PENGAKTIFAN, KESELAMATAN DAN DATA

- 3.1 Setiap kali anda memberikan maklumat kepada kami, anda bersetuju untuk memberikan maklumat yang benar, tepat, terkini dan lengkap. Anda hendaklah menyelenggara dan mengemas kini dengan segera sebarang perubahan pada maklumat tersebut untuk memastikan ia sentiasa benar, tepat, terkini dan lengkap pada setiap masa.
- 3.2 Sekiranya anda memberikan maklumat yang, atau sekiranya kami mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa maklumat tersebut adalah, tidak benar, tidak tepat atau tidak lengkap, kami boleh, tanpa memberikan notis, menggantung atau menamatkan akses anda ke Perkhidmatan kami dan menolak sebarang dan kesemua penggunaan Perkhidmatan kami (atau sebahagian daripadanya) sama ada semasa atau pada masa depan.
- 3.3 Anda bertanggungjawab secara sepenuhnya untuk memastikan keselamatan dan penyimpanan Kod Akses anda, serta untuk semua aktiviti yang berlaku di bawah pengenalan Kod Akses anda (termasuk, antara lain, sebarang data yang dihantar atau disiarkan oleh anda atau mana-mana orang yang menggunakan Kod Akses anda). Dalam apa jua keadaan sekalipun, kami tidak akan bertanggungjawab kepada anda atau sesiapa sahaja, bagi sebarang penipuan, kecurian atau kehilangan Kod Akses dan/atau sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh

sebarang pelanggaran keselamatan dan/atau perbuatan menyalahi undang-undang yang lain berkaitan dengan Kod Akses anda. Kami berhak untuk mengambil apa jua dan semua tindakan, sebagaimana yang kami anggap perlu atau munasabah, pada bila-bila masa, untuk memastikan keselamatan Laman Web dan Perkhidmatan kami, termasuk tanpa had menggantung atau menamatkan Perkhidmatan kami, atau meminta maklumat tambahan untuk mengesahkan identiti anda..

- 3.4 Semua data dan kandungan yang dihantar atau diterima menggunakan Perkhidmatan kami (termasuk overhead jaringan, overhead VPN dan / atau Protokol Internet yang berkait dengan kandungan yang dihantar atau diterima) serta resolusi alamat Protokol Internet dari nama domain adalah termasuk dalam peruntukan data anda. Harap maklum bahawa aplikasi atau widget tertentu akan secara berkala mengirim dan menerima data di latar belakang, tanpa sebarang tindakan oleh pengguna, dan penggunaan data tersebut akan disertakan dalam peruntukan data anda. Aplikasi boleh secara automatik memulakan semula sesi-sesi data tanpa anda menekan atau mengklik butang 'Send', 'Connect' atau 'Enter'. Sesi data adalah tidak aktif apabila tidak ada data yang dipindahkan. Sesi data mungkin kelihatan tidak aktif semasa data sedang dipindahkan secara aktif, atau mungkin kelihatan aktif ketika data tersebut sebenarnya di-cache dan data tidak dipindahkan.
- 3.5 Jumlah pemindahan data akan berbeza-beza berdasarkan aplikasi yang digunakan. Sekiranya anda memuat turun fail audio atau video, fail tersebut boleh dimuat turun dalam beberapa bahagian atau secara keseluruhannya; data yang dicaj akan dikenakan ke atas bahagian yang dimuat turun, tidak kira sama ada anda mendengar atau menonton kesemuanya. Anda boleh mengakses dan memantau penggunaan data anda sendiri dengan melayari <http://cme.now>.
- 3.6 Kami tidak akan memantau kandungan komunikasi anda kecuali sepertimana diizinkan secara nyata atau diperlukan oleh undang-undang.
- 3.7 Kami selanjutnya berhak untuk mengambil langkah-langkah untuk melindungi jaringan kami dan pengguna-pengguna lain daripada bahaya, kapasiti yang terganggu atau penurunan prestasi. Langkah-langkah ini mungkin mempengaruhi Perkhidmatan kami, dan kami berhak untuk menolak, mengubah atau menamatkan Perkhidmatan kami, tanpa notis, kepada sesiapa yang kami percaya menggunakan Perkhidmatan kami dengan cara yang memberi pengaruh buruk kepada rangkaian kami atau melanggar Terma dan Syarat ini.
- 3.8 Anda adalah bertanggungjawab bagi penyediaan dan keselamatan pelayan anda, komputer dan peranti atau peralatan lain anda yang menggunakan Perkhidmatan tersebut. Kami tidak memberi sokongan bagi pengesanan atau penyingkiran perisian hasad (malware), virus, cacing atau trojan. Kami amat menggalakkan agar anda melindungi komputer dan/atau peranti anda dengan perisian antivirus.

4. SYARAT PENGGUNAAN

Anda mengakui, menjamin dan berjanji bahawa:

- (a) Perkhidmatan ini tidak akan digunakan untuk apa-apa aktiviti yang tidak secara munasabah dijangkakan untuk tujuan domestik;
- (b) Perkhidmatan ini hanya akan digunakan untuk tujuan yang sah, dan anda tidak akan menggunakan Perkhidmatan ini untuk menghantar, mengakses, menyimpan, mengedar, memindah, menerbitkan, memuat naik atau memuat turun sebarang bahan atau data yang:
 - (i) melanggar undang-undang atau berkaitan dengan kesalahan jenayah;
 - (ii) bersifat memfitnah, menyinggung perasaan, ganas, lucah atau mengganggu;
 - (iii) mendorong tingkah laku yang melanggar undang-undang atau tidak boleh diterima secara sosial atau tidak bertanggungjawab;
 - (iv) melanggar hak pihak ketiga;

- (v) mempunyai sebarang tujuan atau kesan penipuan, atau melibatkan anda menyamar sebagai orang lain atau menyalahgambarkan diri anda sebagai sumber mana-mana komunikasi;
 - (vi) merosakkan atau mungkin merosakkan hak kami atau hak ejen, kakitangan atau kontraktor kami;
 - (vii) mempunyai niat atau hasil untuk mempengaruhi prestasi atau fungsi mana mana kemudahan komputer atau fungsi mana-mana komputer milik orang lain yang tersambung ke rangkaian yang sama;
 - (viii) menghalang proses pengesahan atau proses keselamatan hos atau rangkaian;
 - (ix) mencipta, menghantar, menyimpan atau menerbitkan virus, trojan, program yang merosakkan atau data yang rosak;
 - (x) menghantar atau menyebabkan penghantaran sebarang iklan, promosi atau bahan lain yang tidak diminta; atau
 - (xi) dengan sengaja mengganggu atau menjejaskan penggunaan internet orang lain atau apa-apa ciri yang merupakan sebahagian daripada internet. Ini termasuk, antara yang lain, menjalankan perisian pengimbasan port atau pencerobohan, menjalankan program atau pelayan yang menyediakan kandungan rangkaian atau sambungan ke mana-mana pihak ketiga yang tiada di hotspot, permainan dalam talian, dan / atau perisian atau aplikasi peer-to-peer.
- (c) anda tidak boleh mengganggu, menghalang atau menyekat mana-mana pengguna lain daripada menikmati Perkhidmatan atau laman web, bahan, kandungan, produk dan/atau perkhidmatan gabungan atau pautan yang lain;
 - (d) anda tidak boleh menggunakan robot, labah-labah, atau peranti lain yang berprogram atau automatik, termasuk namun tidak terhad kepada alat pendail atau pertanyaan automatik, untuk mendapatkan maklumat dari Laman Web atau memantau atau menyalin mana-mana bahagian Laman Web, produk dan / atau perkhidmatan;
 - (e) anda tidak boleh mencipta identiti palsu untuk tujuan menipu orang lain;
 - (f) anda tidak akan menyediakan, menyusun, menggunakan, memuat turun atau menyalin apa-apa maklumat pengguna dan / atau maklumat penggunaan dari Laman Web kami atau mana-mana bahagiannya, atau menghantar, menyediakan atau menyebarkan (sama ada bagi atau tanpa bayaran) Perkhidmatan kami dan maklumat tersebut kepada pihak ketiga;
 - (g) anda hendaklah mematuhi semua terma, polisi, garis panduan, dan proses sebagaimana yang ditetapkan oleh kami dari semasa ke semasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada Polisi Penggunaan Adil, Polisi Anti-Rasuah dan Pencegahan Rasuah, dan Polisi Pemberian Maklumat kami seperti yang disediakan di Laman Web;
 - (h) anda tidak boleh menghalang proses pengesahan pengguna atau keselamatan oleh hos atau rangkaian;
 - (i) anda tidak boleh menggunakan sebarang nama domain kami sebagai alamat e-mel pemulangan samaran;
 - (j) anda akan segera melaporkan kepada kami setelah mengetahui akan sebarang penipuan, pencurian, kehilangan, penggunaan yang tidak dibenarkan atau sebarang kejadian tindakan lain yang tidak sah yang berkaitan dengan Kod Akses anda dan membuat laporan polis dan memberikan sesalinan sah laporan tersebut kepada kami bila-bila masa diperlukan oleh kami;
 - (k) anda akan berhenti menggunakan Perkhidmatan kami atau memutuskan sambungan peranti anda daripada rangkaian kami apabila diminta secara munasabah oleh kami;
 - (l) anda hendaklah mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai di Malaysia berkaitan dengan penggunaan Perkhidmatan oleh anda; dan
 - (m) anda tidak boleh cuba mengubah, menterjemahkan, menyusun semula, meleraikan, menggunakan kejuruteraan terbalik atau cuba mendapatkan kod sumber bagi sistem komputer dan teknologi lain yang mengendalikan Laman Web kami. Bagi tujuan Terma dan Syarat ini, "kejuruteraan terbalik" merangkumi pemeriksaan atau analisis Laman Web untuk menentukan

kod sumber, struktur, organisasi, reka bentuk dalaman, algoritma atau peranti penyulitan tentang teknologi asas Laman Web kami.

5. SEKATAN GEOGRAFI

5.1 Perkhidmatan ini hanya digunakan dalam kawasan liputan hotspot tanpa wayar.

6. PEMBATASAN LIABILITI

6.1 Anda bersetuju bahawa anda melanggan dan menggunakan Perkhidmatan ini atas risiko anda sendiri.

6.2 Anda mengakui dan bersetuju bahawa kami tidak membuat sebarang representasi atau jaminan dalam apa jua bentuk sekalipun berkaitan dengan Perkhidmatan tersebut. Perkhidmatan mungkin tidak bebas daripada kehilangan, gangguan atau kerosakan akibat serangan virus, penggodaman, atau sebarang pencerobohan keselamatan yang lain, atau atas sebarang sebab lain. Kami tidak akan bertanggungjawab atas sebarang gangguan atau kegagalan Perkhidmatan yang disebabkan oleh peristiwa Force Majeure.

6.3 Kami tidak akan mempunyai sebarang liabiliti dan adalah tidak bertanggungjawab terhadap serta tidak mengawal atau mengendors mana-mana perkhidmatan, kandungan atau produk pihak ketiga, atau mana-mana pautan yang kami sediakan ke laman internet yang dikendalikan oleh pihak ketiga serta kandungannya, yang mungkin anda akses, guna atau perolehi dengan menggunakan Perkhidmatan ini. Mana-mana pautan ke laman internet yang dikendalikan oleh pihak ketiga adalah untuk kemudahan anda sahaja. Kami tidak mengawal laman internet pihak ketiga tersebut, tidak bertanggungjawab terhadap kandungannya mahupun memberikan sebarang bentuk endorsan berkenaan dengannya. Kami juga tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin anda alami atau tanggung akibat daripada penggunaan perkhidmatan atau produk pihak ketiga tersebut oleh anda.

6.4 Dalam apa jua keadaan, kami tidak akan mempunyai sebarang liabiliti, sama ada dalam undang-undang, ekuiti atau kelalaian atau sebaliknya bagaimanapun sekalipun, kepada anda atau mana-mana pihak ketiga, bagi sebarang ganti rugi secara langsung, tidak langsung, turutan atau ganti rugi lain yang timbul dalam apa jua cara sekalipun. Seterusnya, tanpa mengehadkan keluasan Seksyen 6 ini, anda mengakui dan mengesahkan bahawa anda tidak mempunyai hak pemulihan untuk penyelesaian bagi apa jua kausa sekalipun yang timbul daripada penggunaan Perkhidmatan terhadap mana-mana Syarikat Kumpulan atau mana-mana pegawai, pengarah, pekerja, ejen, rakan kongsi atau pemegang saham kami atau mana-mana Syarikat Kumpulan.

6.5 Untuk mengelakkan keraguan, adalah dipersetujui secara nyata bahawa tiada peruntukan dari Terma dan Syarat ini boleh dikuatkuasakan oleh mana-mana pihak ketiga.

7. INDEMNIFIKASI

7.1 Anda hendaklah pada setiap masa menanggung rugi dan memastikan kami bebas daripada sebarang liabiliti, kerugian, perbelanjaan, tuntutan atau ganti rugi, termasuk yuran guaman yang timbul daripada:

- (a) sebarang pelanggaran Terma dan Syarat oleh anda, termasuk apa-apa representasi, jaminan, syarat, perakuan dan perjanjian anda;
- (b) penggunaan Perkhidmatan ini oleh anda;

- (c) segala tuntutan untuk fitnah, pencerobohan privasi, atau pelanggaran hak cipta, cap dagangan, paten atau hak proprietari lain mengenai bahan yang dihantar melalui penggunaan Perkhidmatan ini oleh anda; dan / atau
- (d) sebarang kes, tuntutan atau perbicaraan dengan cara apa pun yang ditegaskan atau dimulakan oleh pihak ketiga yang timbul dari atau sehubungan dengan mana-mana perkara yang dinyatakan atau dimaksudkan di perenggan (a) hingga (c) di atas.

8. PENAMATAN / PENGGANTUNGAN

8.1 Anda bersetuju bahawa kami boleh dengan serta merta menggantung atau menamatkan akses anda kepada Perkhidmatan dengan atau tanpa notis dan tanpa sebarang liabiliti kepada anda di mana:

- (a) anda telah melanggar atau menyalahi Terma dan Syarat ini;
- (b) ianya diperintahkan atau diarahkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia atau mana-mana agensi persekutuan atau undang-undang atau badan pengawalseliaan yang lain;
- (c) anda telah terlibat dalam aktiviti penipuan atau aktiviti haram;
- (d) ia adalah untuk kepentingan umum atau disebabkan oleh kewujudan kecemasan awam yang diisytiharkan; atau
- (e) satelit yang digunakan untuk menyediakan Perkhidmatan tidak lagi disediakan kepada kami, diisytiharkan sebagai kehilangan keseluruhan konstruktif atau kehilangan keseluruhan di bawah polisi insurans dalam orbit atau mana-mana polisi insurans lain; atau satelit mengalami kegagalan, sama ada sepenuhnya atau sebahagian;
- (f) kami tidak dapat memberikan Perkhidmatan kami disebabkan oleh peristiwa Force Majeure; atau
- (g) bagi tujuan penyelenggaraan atau tujuan operasi lain.

8.2 Anda bersetuju bahawa kami mempunyai hak untuk menggantung, menghentikan atau menamatkan Perkhidmatan ini tanpa sebab dan bagi apa jua alasan, dan tanpa sebarang liabiliti kepada anda.

9. PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

9.1 Bagi tujuan menyediakan Perkhidmatan, kami boleh memproses sebarang maklumat peribadi, termasuk tetapi tidak terhad kepada mengumpul, menggunakan, mendedahkan, menyimpan dan melupuskan maklumat peribadi yang anda berikan, selaras dengan terma-terma dalam Notis Privasi kami.

9.2 Anda dengan ini bersetuju dan menerima untuk kami memproses maklumat peribadi anda selaras dengan Notis Privasi tersebut. Anda juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa anda mempunyai persetujuan yang diperlukan untuk mendedahkan sebarang maklumat pihak ketiga yang didedahkan kepada kami dan bahawa anda telah memaklumkan pihak ketiga tersebut mengenai Notis Privasi kami.

10. PERKARA AM

10.1 Sebarang kegagalan atau kelewatan untuk melaksanakan atau menguatkuasakan mana-mana hak atau peruntukan di bawah Terma dan Syarat ini atau di bawah undang-undang tidak akan dianggap sebagai pengetepian hak atau peruntukan tersebut, atau menjejaskan kami dalam mengambil tindakan terhadap anda.

- 10.2 Sekiranya mana-mana peruntukan Terma dan Syarat ini adalah dianggap menyalahi undang-undang, tidak sah, atau atas apa jua alasan tidak boleh dikuatkuasakan, maka peruntukan tersebut hendaklah dianggap boleh diasingkan daripada Terma dan Syarat ini dan tidak akan menjejaskan kesahihan serta kebolehuatkuasaan mana-mana peruntukan selebihnya dalam Terma dan Syarat ini yang akan kekal berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.
- 10.3 Terma dan Syarat ini akan ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia.
- 10.4 Anda bersetuju bahawa semua pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Terma dan Syarat ini atau obligasi di bawah ini hendaklah tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah-mahkamah di Malaysia.
- 10.5 Kami boleh menyerahkan atau mengubah hak dan kewajipan kami di bawah Terma dan Syarat ini kepada mana-mana pihak pada bila-bila masa tanpa notis kepada anda.
- 10.6 Hak dan kewajiban anda dibawah Terma dan Syarat ini tidak boleh diserahkan oleh anda. Terma dan Syarat ini tidak memberikan mana-mana pihak ketiga sebarang remedi, tuntutan, atau hak bayaran balik.
- 10.7 Terma dan Syarat ini merupakan keseluruhan perjanjian berkenaan dengan perkara yang dinyatakan di sini dan menggantikan semua perjanjian, representasi, surat menyurat, cadangan dan sebarang pengaturan atau persefahaman lain, sama ada secara nyata atau tersirat dan menggantikan semua perjanjian dan representasi secara lisan atau bertulis yang terdahulu dan semasa.
- 10.8 Masa, di mana sahaja disebutkan, merupakan sesuatu yang penting.

11. DEFINISI DAN INTERPRETASI

11.1 Di dalam Terma dan Syarat ini, istilah yang berhuruf besar mempunyai maksud-maksud berikut:

- (a) “Kod Akses” bermaksud kod laluan prabyar yang dilindungi untuk mengakses dan menggunakan Perkhidmatan;
- (b) “Syarikat Gabungan” bermaksud syarikat induk, subsidiari, syarikat bersekutu dan syarikat berkaitan, pengganti, pemegang serah hak, pekerja dan ejen kami;
- (c) “Force Majeure” bermaksud apa-apa sebab atau peristiwa di luar kawalan munasabah kami yang mengakibatkan kelewatan atau kegagalan melaksanakan kewajiban kami, termasuk, namun tidak terhad kepada, tindakan Tuhan, keganasan, musuh umum, perang (sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan) atau tindakan bermusuhan lain, keadaan darurat nasional, rusuhan, pemberontakan atau tindakan ketenteraan lain atau kerusuhan awam, kebakaran, banjir, bencana alam lain atau keadaan cuaca buruk; pencemaran radioaktif, mogok, penguncian atau pertikaian atau tindakan perdagangan atau buruh lain; kelewatan pelancaran atau kelewatan pengeluaran satelit; kekurangan bekalan kuasa, kekacauan awam, epidemik, kuarantin, embargo; gangguan meteorologi atau astronomi; kegagalan atau kerosakan satelit, kegagalan atau kelewatan pelancaran satelit, atau tindakan atau ketidakaktifan mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa kompetan;
- (d) “Syarikat Kumpulan” bermaksud mana-mana syarikat induk mutlak dan/atau syarikat induk kami, Syarikat Gabungan atau entiti di bawah kawalan bersama;
- (e) “MCS”, “kami” dan “kita” bermaksud MEASAT Communication Systems Sdn. Bhd.;

- (f) "Perkhidmatan" bermaksud perkhidmatan jalur lebar WiFi berdasarkan satelit CONNECTme NOW di Malaysia;
- (g) "Laman Web" bermaksud mana-mana laman web, halaman web, portal web, sistem dalam talian dan/atau platform yang dikendalikan oleh MCS atau Syarikat Kumpulan;
- (h) "Anda" bermaksud pelanggan individu yang melanggan Perkhidmatan (termasuk mana-mana penyerah hak dan/atau wakil anda yang dibenarkan).